

Headline	37,315 unit RMR1M dibina		
MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)		
Date	07 Mar 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,331
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,992



37,315 unit RMR1M dibina

SPNB sudah terima 86,327 permohonan sejak tahun 2002

PASIR PUTEH - Dari tahun 2002 sehingga Februari 2017, sebanyak 37,315 unit Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) disiapkan sementara 7,623 unit masih dalam pembinaan.

Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) Mesra Sdn Bud, Datuk Mohamed Hasan Che Hussin berkata, sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 86,327 permohonan diterima dan sebanyak 46,580 daripadanya diluluskan.

Katanya, sebanyak 11,507 permohonan masih dalam senarai menunggu.

“Di Kelantan, sebanyak 10,782 permohonan diterima, 6,841 diluluskan dan 5,267 daripadanya siap dibina sementara 1,466 masih dalam pembinaan.

“Permohonan yang diluluskan termasuk 762 dalam kawasan Parlimen Pasir Puteh yang mana sehingga kini, 559 unit siap dibina,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Subsidi dan Inden

Kerja RMR1M Peringkat Parlimen Pasir Puteh di sini, kelmarin.

Majlis yang dirasmikan Adun Semerak, Zawawi Othman itu menyaksikan 129 pemohon menerima sijil kelayakan masing-masing.

Turut hadir, Adun Selising, Zulkifle Ali, Timbalan Ketua Umno Bahagian, Datuk Hashim Ismail dan Naib Ketua Umno Bahagian, Datuk Mohd Kaisan Abdul Rahman.

Mohamed Hasan berkata, jumlah subsidi di ditanggung Kerajaan Persekutuan bagi 129 pemohon itu RM4.1 juta.

Katanya, setiap pemohon mendapat subsidi pembinaan RM20,000 dan subsidi faedah pinjaman RM11,840.

“Program ini jelas membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri yang kekal.

“Ia menyelesaikan masalah mereka yang mempunyai tanah yang sesuai untuk membina rumah tetapi tidak berkemampuan,” katanya.



Mohamed Hasan (kiri) mengiringi Zawawi (dua, kiri) menyampaikan sijil kelayakan subsidi kepada pemohon RMR1M.